


#REFSANotes

PEMERKASA+



... seperti menghulurkan tali yang terlalu pendek untuk menyelamatkan mangsa yang lemas

#REFSANotes

APA ITU PEMERKASA+ ?

Maklumat ringkas.

Pada 31 Mei, kerajaan Malaysia telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi PEMERKASA+ yang merangkumi tiga bidang utama. Jumlah keseluruhan pakej ini adalah RM40 bilion dan hanya RM5 bilion merupakan suntikan dana daripada kerajaan.

Nilai Monetari PEMERKASA+ berdasarkan tiga bidang_
(RM bilion)_



Source: Author's calculations based on PMO (2021)

#REFSANotes

MENINGKATKAN KAPASITI KESIHATAN AWAM (RM 1 billion)

- Menambahbaik ICU dan kemudahan rawatan COVID-19



Pandangan Kami: Peruntukan perkhidmatan kesihatan hanyalah 'kosmetik'. Tiada pendekatan fiskal yang kukuh dikenakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kadar vaksinasi dan menambahbaik strategi menurunkan kadar jangkitan.

#REFSANotes

MENERUSKAN AGENDA KEBAJIKAN (RM 34.6 BILLION)

- Bantuan 'one-off' isi rumah B40 melalui BPR
- 3 bulan moratorium kepada B40 dan PKS yang terkesan
- Melanjutkan subsidi upah



Pandangan kami: Kebanyakan inisiatif diumumkan sekadar lanjutan daripada bantuan yang sedia ada dan ia didominasi oleh pinjaman moratorium. Kerajaan sudah terlepas peluang keemasan untuk menjadi proaktif berbanding reaktif.

#REFSANotes

MEMBANTU KEBERLANGSUNGAN PERNIAGAAN (RM 4.1 BILLION)

- Menambah geran PKS
- Melanjutkan pembiayaan mikro kredit
- Bantuan tunai secara 'one-off' pemandu bas dan teksi



Pandangan kami: Keutamaan harus diberikan kepada PKS yang terpaksa menutup operasi, berhadapan dengan penurunan permintaan, dan termasuklah persiapan membuka semula perniagaan dengan selamat selepas 'lockdown'. Bantuan PKS terlalu kecil bagi menghadapi penutupan penuh dan tiada persediaan untuk membuka semula operasi dengan selamat selepas 'lockdown'.

#REFSANotes

RUMUSAN

Adakah PEMERKASA+ berkesan?

Tiada pendekatan jangka panjang (pembiayaan pembangunan lestari, mencipta pekerjaan dan lain-lain). Malah, untuk inisiatif jangka masa pendek, PEMERKASA+ nampaknya hanya di susun untuk meredakan kegelisahan rakyat.

Meskipun peruntukan PEMERKASA+ agak besar, suntikan fiskal dalam PEMERKASA+ hanya 12.5% jika dibandingkan 55% perbelanjaan langsung kerajaan dalam PEMERKASA. Ini adalah unjuran sejak Malaysia melaksanakan PKP pada Mac 2020.

Malaysia perlu meningkatkan perbelanjaan untuk melindungi golongan rentan dan perniagaan dengan segera serta merangsang perbelanjaan pengguna dan memperluaskan pelaburan apabila keadaan pandemik sudah reda.